

# Kerajaan mahu tingkatkan taraf hidup pekerja estet

BH 16 APR 1986

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Kementerian Buruh dan agensi-agensinya supaya mencadangkan cara meningkatkan mutu kehidupan lebih 250,000 pekerja estet di negara ini.

"Perdana Menteri juga mahukan kementerian itu meneliti cara mengatasi masalah pendapatan pekerja estet ekoran kejatuhan harga komoditi utama iaitu getah dan kelapa sawit," kata Menteri Buruh Datuk Lee Kim Sai.

Bercakap kepada pemberita selepas mengada-

## KAJANG, Selasa

kan lawatan ke Estet Prang Besar, 14 kilometer dari sini lewat petang ini, Datuk Lee Kim Sai berkata soal meningkatkan mutu kehidupan pekerja estet diberikan tumpuan kerana mereka adalah antara golongan

termiskin di negara ini.

Datuk Lee menjelaskan, lawatannya ke estet-estet bertujuan melihat sendiri masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja itu kerana jumlah mereka yang terabit di sektor ini agak besar.

Menurutnya, Perdana Menteri mahu supaya soal-soal membabitkan pendapatan, perumahan, kemudahan pendidikan, kemudahan sosial dan kemudahan-kemudahan asas dikaji dengan teliti dan jika perlu langkah-langkah selanjutnya dicari.

## Sering

"Kerana itu, jika perlu kementerian mungkin mencadangkan supaya beberapa perkara dalam Undang-Undang Buruh dipinda jika timbul masalah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan itu untuk pekerja estet," tegasnya.

Ditanya apakah perkara-perkara itu, beliau enggan mengulas sehingga kajian di beberapa estet yang sudah dikenal pasti oleh kementerian disiapkan.

Menurutnya, beliau gembira setelah mengetahui bahawa kebanyakan pekerja di 625 estet yang bergabung dengan sebuah kesatuan estet utama di negara ini disediakan dengan kemudahan-kemudahan asas yang cukup.

Bagi estet-estet yang belum menyediakan kemudahan tertentu, kementerian akan menasihatkan majikan-majikan berbuat demikian demi kepentingan pekerja.

"Pada asasnya, soal yang sering ditimbulkan oleh pekerja estet dalam perjumpaan dengan saya ialah masalah gaji. Perkara ini akan cuba diatasi melalui perundingan dengan majikan-majikan mereka," katanya.